

**Wakil Perdagangan Amerika Syarikat Ron Kirk Lawat Malaysia
Bernama
19 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Wakil Perdagangan Amerika Syarikat, Ron Kirk, akan membuat lawatan kerja dua hari ke Malaysia mulai Isnin untuk meningkatkan hubungan dua hala dan serantau serta menangani isu-isu dan geseran perdagangan.

Beliau dijangka bertemu pegawai tinggi kerajaan dan pemimpin perniagaan Malaysia.

Lawatan berkenaan merupakan sebahagian lawatan Kirk ke rantau Asia Tenggara untuk membincangkan isu-isu mengenai objektif Amerika Syarikat (AS) untuk perkongsian perdagangan di rantau ini yang berkembang pesat.

"Ini termasuk Perkongsian Trans-Pasifik, forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) dan Asean," demikian menurut Kedutaan Amerika dalam satu kenyataan Khamis.

Kirk dijangka ke Singapura pada Rabu untuk menyampaikan ucapan di Singapore Management University mengenai matlamat perdagangan Asia Pasifik.

Sebagai wakil perdagangan, Kirk adalah anggota kabinet Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dan bertindak sebagai penasihat perdagangan utama presiden, perunding dan jurucakap mengenai isu-isu perdagangan, tambahnya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660497>